



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### PORTAL BANTUAN KEWANGAN PROGRAM PERPADUAN DILANCAR, PERLUAS USAHA PELAKSANAAN PROGRAM PERPADUAN PERINGKAT AKAR UMBI

---

**KUALA LUMPUR, 23 Januari** – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan meneruskan inisiatif pemberian bantuan kewangan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi melaksanakan program-program perpaduan di negara ini melalui Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan. Majlis pelancaran portal telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

Bermula tahun ini, semua permohonan bantuan untuk melaksanakan program perpaduan akan diuruskan sepenuhnya secara atas talian selaras dengan reformasi perkhidmatan awam dan amalan tatakelola yang berkesan. Perancangan tatakelola yang konkrit dapat menzahirkan ketelusan, akauntabiliti, keterangkuman dan keberkesanan dalam mewujudkan satu pentadbiran yang MADANI, demokratik dan memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata, “Penambahbaikan yang dibuat melalui Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan ini merupakan satu menifestasi bagaimana teknologi boleh dimanfaatkan, dan dengan adanya portal ini, diharapkan proses permohonan dan kelulusan bantuan kewangan kepada NGO akan menjadi lebih efisien”.

Tambah beliau lagi, “Kementerian berharap melalui proses yang dilaksanakan secara atas talian ini, akan dapat membantu mempermudah urusan serta mengurangkan sebarang kekangan yang mungkin dihadapi oleh NGO, sekaligus mempercepatkan pelaksanaan program-program perpaduan yang ingin dicadangkan.”

Sebagai rekod, pada tahun 2024, sebanyak **78 program perpaduan yang diterajui NGO** melalui kerjasama dengan pihak Kementerian telah **berjaya dilaksanakan** di seluruh negara melibatkan **sejumlah 621,739 peserta**. Antara *Friends of Unity* adalah Pertubuhan Kembara Anak Seni Selangor, Pertubuhan Nadi Sihat, Persatuan Siam Malaysia, Persatuan Adiwira Inderayani, Pertubuhan IKRAM Malaysia dan sebagainya.

Terdahulu, telah berlangsung Sesi Townhall Bantuan Kewangan Program Perpaduan yang melibatkan kira-kira 500 orang peserta yang mewakili NGO *Friends Of Unity* seluruh negara bagi mengutarakan soalan dan pertanyaan berkaitan fungsi serta kaedah permohonan bantuan melalui portal ini.

**Kementerian Perpaduan Negara**

23 Januari 2025

KPN.100-9/1/16 (3)